

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.31 (32)
Tarikh : 20 Mei 2014

**Ketua Pengarang
Harian Metro**

Tuan,

MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR HARIAN METRO BERTAJUK "SELESA SEBATANG KARA" BERTARIKH 18 MEI 2014, AHAD – M.S: 19 (SETEMPAT)

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan berkenaan permasalahan Encik Safiei bin Sarit yang telah kehilangan kad pengenalan.

3. Untuk makluman, JPN Negeri Selangor telah mengambil perhatian di atas perkara tersebut dan telah mengunjungi ke kediaman beliau pada 19/05/2014 untuk mengenalpasti permasalahan sebenar yang dihadapi oleh Encik Safiei bin Sarit dan telah maklumat beliau untuk tujuan semakan dengan rekod jabatan.

4. Setiap dokumen pengenalan diri yang dikeluarkan oleh jabatan ini adalah berdasarkan kepada peruntukan undang-undang sedia ada. Jabatan ini sentiasa prihatin dalam menyelesaikan masalah dokumen pengenalan diri yang dihadapi oleh rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

Pejabat Perhubungan Awam,

b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)